

Kuamut Rainforest Conservation Project

RINGKASAN EKSEKUTIF:

PROJEK PEMULIHARAAN HUTAN HUJAN KUAMUT



Project Overview

Project Title: Kuamut Rainforest Conservation Project

Version: 3.3

Date of Issue: 07 March 2023

Location: Malaysia, Sabah

Project Proponent: Permian Malaysia Sdn. Bhd.

Prepared By: Permian Global

Validation Body: Earthood Services Pvt. Ltd.

Project Lifetime: 11 December 2015 – 1 December 2045

GHG Accounting Period: 11-12-2015 – 1-12-2045

Matlamat dan Objektif Projek

Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut bertujuan untuk memelihara dan memulihkan 83,381 hektar hutan tropika di Sabah, Malaysia. Antara objektif utama projek ini termasuk:

Objektif Perubahan Iklim:

- Menghasilkan pengurangan pelepasan GHG yang boleh dipercayai, melalui penyahutan dan degradasi hutan yang boleh dilakukan.
- Meningkatkan nilai ekologi pada skala landskap.
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk melaksanakan amalan sains, penyelidikan dan pengurusan yang terkini.

Objektif Masyarakat Tempatan:

- Meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan kemiskinan bagi masyarakat tempatan dalam zon projek dengan mewujudkan pilihan menjana pendapatan yang mampan dan peluang ekonomi.
- Mengekalkan dan meningkatkan perkhidmatan ekosistem untuk kesejahteraan masyarakat melalui pemulihan ekosistem.
- Meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan dan pendidikan untuk masyarakat tempatan.

Objektif Kepelbagaian Biologi:

- Menyingkirkan pemacu penyahutan dan kemerosotan hutan.
- Menstabilkan dan mengekalkan populasi spesies fauna dan flora dalam zon projek.
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk melaksanakan amalan sains, penyelidikan dan pengurusan yang terkini.

Manfaat Projek

Manfaat Perubahan Iklim

- Projek ini bertujuan untuk menjana pengurangan pelepasan sebanyak 16,291,488.57 tCO₂e sepanjang tempoh projek, dengan menghalang

pembalakan komersial dan menguruskan kawasan ini untuk tujuan perlindungan.

Manfaat Masyarakat Tempatan

Peluang pekerjaan:

- Menyediakan peluang pekerjaan yang mampan untuk masyarakat tempatan.
- Menggaji sekurang-kurangnya 40 orang pekerja dari masyarakat yang tinggal berdekatan dengan projek, dengan sasaran 50% daripadanya merupakan wanita.

Kesihatan dan Pendidikan:

- Meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan dan akses kepada pendidikan.
- Menyediakan program biasiswa yang kompetitif dan bantuan untuk membangunkan kemudahan di sekolah tempatan.

Peningkatan Peluang Menjana Pendapatan

- Menyokong amalan penanaman kelapa sawit secara mampan.
- Mempromosikan teknik pertanian pintar dan menyediakan program pembiayaan mikro untuk membantu pembangunan tempatan.

Manfaat Kepelbagaian Biologi

Perlindungan Habitat:

- Melindungi koridor kepelbagaian biologi yang penting di antara kawasan perlindungan.
- Mengekalkan dan menambah baik habitat bagi spesies terancam seperti gajah, banteng dan orang utan

Pemantauan Kepelbagaian Biologi:

- Menjalankan kajian dan pemantauan kepelbagaian biologi yang berterusan
- Bekerjasama dengan institusi akademik dan pusat penyelidikan tempatan untuk meningkatkan usaha pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Libat urus Komuniti dan Pendekatan Penyertaan

Projek ini telah melaksanakan aktiviti libat urus masyarakat tempatan yang meluas, termasuk melalui bengkel, tinjauan isi rumah, dan pemetaan tahap penyertaan. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dapat memastikan bahawa projek ini dirancang dan dilaksanakan dengan cara yang menghormati serta mengintegrasikan pandangan dan keperluan masyarakat tempatan.

Keizinan Bebas dan Termaklum Awal (FPIC):

- Berinteraksi dengan masyarakat tempatan secara terbuka dan telus, dengan memastikan semua aktiviti mendapat keizinan termaklum.
- Dialog yang berterusan dengan masyarakat tempatan untuk mengemaskini keperluan dan manfaat melalui proses penyertaan.

Aktiviti Pembangunan Masyarakat Tempatan:

- Pembangunan Masyarakat Tempatan:
- Fokus kepada pelancongan, kraftangan, dan pertanian sebagai aktiviti utama untuk menjana pendapatan.
- Menyediakan latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang seperti ekopelancongan, penghasilan kraftangan, dan amalan pertanian mampan.

Kemampuan Kewangan dan Pengurusan Risiko

- Projek ini dibiayai oleh pembiayaan pelaburan yang terjamin dan menjana pendapatan daripada penjualan unit karbon yang diverifikasi (VCU).
- Analisa prestasi kewangan yang berkala dapat memastikan tahap perbelanjaan selari dengan unjuran.

Pengurusan Risiko:

- Menangani risiko semula jadi seperti kebakaran hutan, haiwan perosak, dan cuaca ekstrem melalui pemantauan yang berkesan dan sistem pengesanan awal.
- Mengurangkan risiko yang berpunca daripada aktiviti manusia dengan melibatkan masyarakat tempatan dalam aktiviti projek dan menyediakan pilihan menjana pendapatan yang mampan.
- Menjamin kestabilan politik dan kewangan melalui perjanjian dengan Kerajaan Negeri Sabah dan melabur secara berterusan dalam masyarakat tempatan.

Pelaksanaan Projek dan Tadbir Urus

Struktur Tadbir Urus:

- Diuruskan oleh Permian Malaysia Sdn. Bhd. dengan sokongan teknikal daripada Permian Global dan rakan kongsi tempatan seperti Jabatan Perhutanan Sabah dan SEARRP.
- Mempunyai ahli pasukan yang berkelayakan tinggi dan berpengalaman dalam bidang pengurusan hutan, biologi pemuliharaan, pembangunan masyarakat tempatan dan pengurusan kewangan

Kerjasama:

- Bekerjasama dengan entiti seperti Yayasan Sabah, Rakyat Berjaya Sdn. Bhd., SEARRP, dan PACOS Trust untuk meningkatkan faedah projek dan memastikan kejayaan pelaksanaan.

Perundangan dan Hak Milik

Hak Milik:

- Tapak projek dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sabah dan diuruskan melalui perjanjian dengan Permian Malaysia Sdn. Bhd.
- Menghormati hak adat masyarakat tempatan dan memudahcara perjanjian untuk penggunaan sumber yang mampan.

Pematuhan Undang-undang:

- Pematuhan sepenuhnya kepada undang-undang dan peraturan negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan penggunaan tanah, perhutanan, REDD+ dan perubahan iklim.



Manfaat kepada Masyarakat Tempatan dan Metrik

Ringkasan Manfaat Projek

Matlamat keseluruhan bagi projek ini adalah untuk membangunkan dan melaksanakan satu model guna tanah yang mampan melalui usaha pemuliharaan hutan, menggalakkan pemulihan secara semula jadi serta meningkatkan peluang menjana pendapatan untuk masyarakat tempatan yang hidup di sekeliling projek tersebut. Manfaat khusus yang perlu dicapai dalam tempoh projek termasuk:

- Perlindungan dan pemuliharaan 83,381 hektar hutan.
- Pemuliharaan koridor kepelbagaian biologi yang penting di antara kawasan perlindungan.
- Peningkatan peluang pekerjaan mampan untuk kumpulan masyarakat tempatan.
- Perlindungan habitat untuk tiga spesies fauna yang sangat terancam.
- Peningkatan taraf hidup masyarakat tempatan melalui peningkatan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Metrik Manfaat Standard

Pengurangan Pelepasan GHG:

- Anggaran penyingkiran pelepasan karbon bersih di tapak projek, yang telah dikira berbanding scenario projek tidak wujud: 16,291,488.57 tCO₂e dalam tempoh antara tahun 2016-2045.

Liputan Hutan:

- Susulan daripada aktiviti projek, amalan pengurusan tanah di 83,381 hektar tanah hutan pengeluaran sedia ada dijangka bertambah baik.

Latihan:

- Bilangan penduduk tempatan yang dijangka mempunyai tahap kemahiran dan pengetahuan yang lebih tinggi: 500 orang (anggaran 5 tahun)
- Bilangan penduduk tempatan wanita yang dijangka mempunyai tahap kemahiran dan pengetahuan yang lebih tinggi: 300 orang (anggaran 5 tahun)

Peluang Pekerjaan:

- Bilangan orang yang mendapat pekerjaan dalam aktiviti projek: Sekurang-kurangnya 40 orang
- Bilangan wanita yang mendapat pekerjaan dalam aktiviti projek: Sekurang-kurangnya 20 orang

Punca Pendapatan:

- Bilangan orang yang dijangka dapat meningkatkan punca atau jumlah pendapatan: 900 orang dari masyarakat di Sungai Kuamut
- Bilangan wanita yang dijangka dapat meningkatkan punca atau jumlah pendapatan: 450

Kesihatan:

- Bilangan orang yang dijangka mendapat tahap perkhidmatan kesihatan yang lebih tinggi: 900 orang dari masyarakat di Sungai Kuamut.
- Bilangan wanita yang dijangka mendapat tahap perkhidmatan kesihatan yang lebih tinggi: 457.

Pendidikan:

- Bilangan orang yang dijangka mendapat akses atau kualiti pendidikan yang lebih tinggi: Sekurang-kurangnya 100.
- Bilangan wanita dan kanak-kanak perempuan yang dijangka mendapat akses atau kualiti pendidikan yang lebih tinggi: Sekurang-kurangnya 50.

Air:

- Bilangan orang yang dijangka mendapat kualiti air atau akses kepada air minuman, yang lebih baik: 900 orang dari masyarakat di Sungai Kuamut.
- Bilangan wanita yang dijangka mendapat kualiti air atau akses kepada air minuman, yang lebih baik: 457.

Kesejahteraan:

- Bilangan masyarakat tempatan yang dijangka mendapat dalam tahap kesejahteraan yang lebih tinggi: 1500.
- Bilangan wanita yang dijangka mendapat dalam tahap kesejahteraan yang lebih tinggi: 800.

Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi:

- Jumlah kawasan yang dijangka mengalami peningkatan dalam tahap pengurusan untuk tujuan kepelbagaian biologi: 83,381 hektar
- Jumlah spesies yang terancam secara kritikal atau terancam yang dijangka mendapat manfaat daripada pengurangan ancaman: 29 spesies mamalia dan 15 spesies burung.

Aktiviti Terperinci Projek

Perlindungan Hutan

Pos Pengawal:

- Mewujudkan pos kawalan di laluan masuk ke kawasan projek yang utama.
- Dikendalikan oleh 2 hingga 4 kakitangan yang bergilir, dengan dilengkapi dengan kemudahan dan alat komunikasi yang diperlukan.

Rondaan dan Pemantauan:

- Menjalankan pemantauan berkala sepanjang jalan utama dan laluan masuk sungai.
- Menggaji 20 hingga 30 kakitangan untuk aktiviti rondaan, yang dilengkapi dengan GPS, kamera dan alat komunikasi.

Pengawasan Jarak Jauh:

- Menggunakan gambar satelit beresolusi tinggi untuk pemantauan gangguan masa nyata.
- Menggunakan teknologi perangkap kamera jarak jauh untuk memantau laluan masuk.

Pemantauan Pertumbuhan Semula Jadi:

- Memantau pertumbuhan semula jadi dengan menggunakan plot hutan dan data penderiaan jauh resolusi tinggi.
- Menilai manfaat pelaksanaan langkah pemulihan aktif untuk membantu pertumbuhan semula jadi.

Tanaman Mengaya:

- Melaksanakan potongan pepanjat dan tanaman mengaya bersasar di kawasan yang sangat terosot untuk menyokong pertumbuhan semula jadi.

Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi dan Pemantauan

Perlindungan Spesies Terancam:

- Fokus kepada perlindungan populasi spesies terancam yang signifikan seperti orang utan, banteng, gajah, harimau dahan dan pelbagai spesies burung.

Penyelidikan Kolaboratif:

- Bekerjasama dengan institusi akademik dan pusat penyelidikan tempatan untuk meningkatkan usaha pemuliharaan kepelbagaian biologi

Peningkatan Punca Pendapatan Masyarakat Tempatan

Pembangunan Pelancongan:

- Menyokong aktiviti pelancongan berasaskan sungai yang memberi tumpuan kepada kepentingan biobudaya.
- Menyediakan latihan dan pembangunan kapasiti untuk merencanakan ekopelancongan.

Penghasilan Kraftangan:

- Menggalakkan penghasilan kraftangan tradisional, yang diperbuat daripada hasil hutan bukan kayu, secara komersil.
- Memudahkan akses kepada pasaran dan latihan pembangunan produk.

Pertanian Mampan:

- Menyokong pembangunan tanaman organik dan bernilai tinggi untuk dijual di pasaran bandar.
- Menyediakan latihan dalam bidang pengurusan perosak dan pertanian pemuliharaan untuk meningkatkan hasil tuaian dan keuntungan.

Program Pembiayaan Mikro:

- Membangunkan program pembiayaan mikro untuk menyediakan kredit kepada masyarakat tempatan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Edward Rumsey

Managing Partner, Permian Global

Edward.rumsey@permianglobal.com

Ivy Wong Abdullah

CEO, Permian Malaysia

Ivy.wong@permianglobal.com

